



JABATAN WARISAN NEGARA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor tempatan (Bumiputera) yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di dalam **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** sahaja yang memperolehi Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dari CIDB dalam gred dan pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut:

Tajuk Sebut Harga	Gred/ Kategori/ Pengkhususan CIDB	Tempat, Tarikh & Waktu Taklimat/ Lawatan Tapak
KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN PEJABAT JABATAN WARISAN NEGARA (JWN) DI MENARA PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB) JWN.PBN.400-5/18/2024-9	Gred G2 (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sahaja) Kategori B (Pembinaan Bangunan) Pengkhususan B24 (Kerja Penyenggaraan Bangunan)	<p>Tempat Aras Mezzanine, Menara PNB, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur</p> <p>Tarikh Taklimat/Lawatan Tapak 9 September 2024 (Isnin) Jam 10.00 pagi</p> <p>Tempat, Tarikh & Waktu Sebut Harga Tutup</p> <p>Tempat Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Warisan Negara, Blok B, Bangunan Sultan Abdul Samad, Jalan Raja, Kuala Lumpur</p> <p>Tarikh Sebut Harga Ditutup 17 September 2024 (Selasa)</p> <p>Waktu Sebut Harga Ditutup 12.00 Tengah Hari</p>
		<p>Hanya PENAMA di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja yang boleh menghadiri taklimat dan lawatan tapak. Sila bawa KAD PENGENALAN, SIJIL ASAL dan SATU SALINAN sijil-sijil berkaitan serta COP RASMI syarikat semasa lawatan tapak. Surat Kelulusan/Kebenaran Khas CIDB adalah tidak dibenarkan untuk menyertai pelawaan sebut harga ini.</p> <p>Kehadiran taklimat/lawatan tapak secara fizikal adalah DIWAJIBKAN dan taklimat/lawatan tapak akan diadakan pada 9 September 2024 (Isnin) Jam 10.00 pagi. Jabatan ini tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak penyeput harga bagi tujuan lawatan tapak tersebut.</p> <p>Dokumen sebut harga boleh disemak dan diperolehi secara PERCUMA bermula pada 9 September 2024 (Isnin) melalui e-mel. Dokumen sebut harga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang menghadiri lawatan tapak atau wakil yang sah sahaja. Kontraktor disarankan mempunyai alamat emel untuk memudahkan urusan rasmi. Jabatan ini berhak menolak pengambilan dokumen jika terdapat mana-mana butiran yang tidak melepassi kelayakan yang disyaratkan.</p>

2. Dokumen Sebut Harga yang telah sempurna dilengkapkan hendaklah dimasukkan dalam sampul surat bermetri dengan TAJUK dan NOMBOR SEBUT HARGA di penjuru kiri sampul surat berkenaan dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga pada tarikh tutup yang ditetapkan ke alamat di atas.
3. Sebut Harga yang dihantar sama ada secara Serahan Tangan atau menggunakan perkhidmatan Pos Berdaftar/Kurier hendaklah dipastikan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Jabatan Warisan Negara. Penyebut harga juga hendaklah memastikan dokumen tersebut sempurna dihantar sebelum/pada tarikh tutup Sebut Harga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan atau dokumen yang tidak dimasukkan dalam Peti Sebut Harga tidak akan dilayan.



(MOHAMAD MUDA BIN BAHADIN)
Ketua Pengarah
Jabatan Warisan Negara

Tarikh Pamer Iklan: **6 September 2024**